

25/03/2000

Ulama perlu perbetulkan kekeliruan umat

MESYUARAT majlis Raja-raja Melayu ke-185 yang berakhir kelmarin terpahat sebagai sangat penting dalam lipatan sejarah negara. Di Istana Negara, Kuala Lumpur, Raja-Raja Melayu membuat satu keputusan paling bermakna bagi menentukan masa depan ketuanan orang Melayu dan keagungan agama Islam. Majlis itu bersetuju mengambil tindakan tertentu menyatupadukan semula umat Islam negara ini yang kini sudah berpecah akibat fahaman politik berlainan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, persetujuan itu dicapai selepas beliau memberi taklimat kepada mesyuarat berkenaan mengenai masalah perpaduan umat Islam.

Alhamdulillah, dengan penjelasan Perdana Menteri, Raja-raja Melayu yang sangat peka dengan perkembangan itu sepakat mahu mengambil tindakan menyatupadukan semula orang Islam. Rakyat tentunya menyambut baik kesediaan raja-raja selaku ketua-ketua agama menangani masalah ummah yang mesti diselesaikan segera. Kita juga bersyukur Raja-raja Melayu sudi mendengar pandangan disuarakan pelbagai peringkat rakyat jelata yang kebelakangan ini memohon mereka berikhtiar mengatasi masalah perpecahan itu kerana penyalahgunaan agama untuk kepentingan politik peribadi.

Rakyat jelata yang gelisah melihat senario ini, berdoa dan yakin atas kebijaksanaan Raja-raja Melayu dengan kerjasama baik yang sedia terjalin dengan kerajaan Pusat, masalah ini dapat diselesaikan demi keutuhan rakyat Melayu dan Islam. Rakyat memberi pengakuan sepenuhnya untuk menyokong tindakan yang bakal diambil bagi mencapai matlamat itu. Sebagai rakyat yang taat, setia dan menjunjung kedaulatan Raja-raja, terpulanglah kepada mereka untuk menentukan tindakan yang difikirkan terbaik. Sebagai payung negara dan bertanggungjawab pula terhadap hal ehwal agama mereka sememangnya boleh mengambil peranan besar untuk mengembalikan perpaduan Melayu yang terjejas kerana politik agama. Kita percaya dengan campur tangan Raja-raja, pelbagai isu seperti pengeluaran fatwa oleh pihak tertentu, masalah kafir-mengkafir, sembahyang dua iman, isu solat Jumaat dan pelbagai kekeliruan mengenai fahaman agama dapat diselesaikan.

Dalam memastikan kejayaan menangani masalah ini, kita merasakan tanggungjawab berat itu tidak hanya diletakkan kepada Raja-raja Melayu dan kerajaan Pusat. Semua pihak yang cintakan agama Islam dan sayangkan bangsa perlu turut serta memberi sokongan dan kerjasama. Sehubungan itu, peranan ulama dan masyarakat Islam sendiri sangat bererti. Perlu diakui sumbangan ulama kita dalam menjauhkan perpecahan ummah kebelakangan ini, agak mendukacitakan. Walaupun ulama perlu membantu usaha melaksanakan tajdid atau pembaharuan pemikiran ummah bagi menghapuskan pelbagai kekeliruan di kalangan umat Islam sekarang, mereka sehingga kini kelihatan seolah-olah tidak mengambil kisah. Selain menyepikan diri, lebih malang, ulama terbabit terperangkap pula dengan mainan politik pihak tertentu yang jelas memperalatkan agama untuk kepentingan sendiri.

Sejarah perjuangan Islam banyak membuktikan orang Muslim berada dalam serba kelemahan kerana ulama tidak bertanggungjawab dan mengambil sikap berdiam diri. Mereka membiarkan umat dalam kejahilan dan teraba-raba di tengah kemelut yang berlaku. Di samping itu, ada ulama yang menjaga kepentingan diri, menyembunyikan kebenaran dan rakus meraih kepentingan di samping memperluaskan pengaruhnya. Natiujahnya, umat tidak didedahkan dengan hukum-hakam, terjajah dan terhimpit di tengah cengkaman ideologi menyesatkan lagi mengelirukan. Justeru, masyarakat melabelkan ulama hanya bertanggungjawab untuk menguruskan kematian, menjadi imam, membaca doa

selamat dan tahlil. Peranan ulama terkurung dalam suasana fiqh ibadah yang sempit dan waktu yang terbatas.

Berikutan keputusan Majlis Raja-raja, kita mahu ulama yang benar-benar merasakan mereka bertanggungjawab mewarisi peranan nabi, bangkit membetulkan kekeliruan umat, mempertahankan kebenaran, mengajak umat bersatu padu mengikut lunas Islam, menolak segala kemungkaran dan menunjukkan contoh baik kepada masyarakat. Peranan ulama harus diperkasa untuk berhadapan dengan segala bentuk cabaran dan bukan mengasingkan diri dan menonton saja umat Islam dikelirukan.

Bagi mencapai kekuatan dan kesejahteraan ummah, peranan ulama dan umara (pemerintah) tidak boleh dipisahkan. Berdasarkan realiti politik di negara ini umara dipilih rakyat. Dengan itu, pemerintah sememangnya mempunyai pengaruh dan penyokong. Begitu juga ulama. Sejak turun-temurun mereka adalah golongan yang amat dihormati dan disanjung masyarakat kerana menjadi benteng terakhir mempertahankan kesucian Islam dan keharmonian hidup umat. Oleh itu, amat penting bagi ulama memikul tanggungjawab ini serta sanggup memperbetulkan yang salah. Bukan lagi berdiam diri membiarkan yang salah berlarutan.

(END)